

18/01/1997

Rashdan enggan ulas tender Telekom

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pengerusi Telekom Malaysia Berhad (Telekom Malaysia), Tan Sri Rashdan Baba enggan mengulas laporan mengenai tender kira-kira RM500 juta kepada Ericsson.

Ketika ditemui di pejabatnya di sini, hari ini beliau tidak mahu menjawab sebarang soalan sebaliknya memberi alasan terpaksa meninggalkan pejabat kerana ada urusan lain.

"Itu saya tidak tahu, saya tidak ada masa, saya terpaksa keluar," katanya ketika ditanya sama ada beliau mahu memberi komen berhubung dakwaan penyelewengan dalam urusan membabitkan Telekom Malaysia dan Ericsson.

Rashdan juga tidak mahu menjawab apabila ditanya bila Lembaga Pengarah Telekom akan membincangkan perkara itu.

Kementerian Kewangan semalam mengarahkan Telekom Malaysia mengkaji semula kontrak bernilai RM500 juta itu selepas meragui kewibawaan beberapa maklumat dalam dokumen penganugerahan kontrak terbabit.

Sumber memberitahu Berita Harian, arahan kepada Telekom Malaysia itu dikeluarkan beberapa minggu lalu ketika kontrak berkenaan hampir diserahkan kepada Ericsson.

Semalam, Ketua Eksekutif Telekom Malaysia, Mohamed Said Mohamed, berkata pihaknya akan menjalankan siasatan menyeluruh terhadap dakwaan penyelewengan itu.

Beliau yang sedang mengikuti rombongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat mengesahkan sudah dimaklumkan mengenai perkara itu.

"Saya diberitahu mengenai isu ini oleh Timbalan perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum berlepas mengikuti rombongan Perdana Menteri.

"Sebaik sahaja diberitahu, Telekom Malaysia mengambil tindakan menjalankan siasatan penuh terhadap dakwaan itu," katanya.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Telekom Malaysia, Sharifah Mohd Ismail, berkata semua kenyataan berhubung isu itu sudah dikeluarkan oleh Mohamed.

(END)